

13/04/1997

Perletakan jawatan wajar

Fazli Abdullah

KUALA LUMPUR: Rakyat Selangor memberi reaksi berbeza berhubung peletakan jawatan Tan Sri Muhammad Muhd Taib sebagai Menteri Besar yang berkuatkuasa esok.

Beberapa penduduk menyifatkan keputusan itu wajar bagi mengembalikan imej Umno dan kerajaan Selangor, manakala sesetengahnya berpendapat Muhammad sepatutnya menunggu mahkamah Australia membuat keputusan berhubung kesnya.

Seorang kakitangan kerajaan dari Shah Alam, Zalani Mohd Shariff, 33, berkata tindakan Muhammad kena pada masanya kerana kes beliau di Australia turut menjejaskan imej Umno dan negara.

Sehubungan itu, katanya, peletakan jawatan Muhammad diharap dapat mengurangkan kontroversi terhadapnya yang semakin hangat diperkatakan sekarang.

"Selain itu, ia juga dapat mengelakkan pihak pembangkang menggunakan isu itu untuk memburukkan kerajaan kerana Muhammad adalah pemimpin politik negara," katanya.

Muhammad yang didakwa cuba membawa keluar wang tunai bernilai RM2.4 juta dari Australia pada 22 Disember lalu, membuat keputusan meletakkan jawatannya dalam mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, semalam.

Pengumuman peletakan jawatan Muhammad, dibuat Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas mempengerusikan mesyuarat itu. Muhammad turut hadir dalam sidang akhbar berkenaan.

Seorang pekerja swasta, Lim Tiong Kim, 48, menyifatkan tindakan Muhammad wajar, walaupun beliau belum dibuktikan bersalah oleh mahkamah di Australia.

"Apa yang penting, dia melakukan apa yang sepatutnya dilakukan," katanya.

Peniaga di Kompleks Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Zainab Zainal Abidin, 47, pula terkejut dengan berita peletakan jawatan itu dan menyifatkannya sebagai satu keputusan terburu-buru.

Beliau yang berasal dari Sabak Bernam, berkata Muhammad yang sudah banyak membawa pembangunan dan perubahan kepada Selangor, tidak seharusnya meletakkan jawatan.

Katanya, peletakan jawatan itu juga seolah-olah membuktikan Muhammad bersalah, walaupun mahkamah belum memutuskan kesnya lagi.

(END)